

PULANGAN DIVIDEN MSM KUKUH DISEBALIK PASARAN YANG MENCABAR

KUALA LUMPUR, MEI 15, 2017 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), memenuhi polisi dividen syarikat dan mengekalkan kemampuan nilai pemegang saham di sebalik keadaan pasaran yang mencabar.

Kumpulan MSM mencatatkan perolehan yang mantap, sebanyak RM2.66 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dibantu oleh volum jualan segmen domestik Kumpulan dan purata harga jualan gula bertapis yang lebih baik. Sehubungan itu, Kumpulan MSM juga berhasil meningkatkan pengeluaran gula bertapis sebanyak 1,117,010 tan, kenaikan sebanyak 8.1% berbanding tahun 2015.

Bagi tahun kewangan penuh berakhir 31 Disember 2016, Kumpulan MSM mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM148.52 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM120.72 juta. Walaupun keuntungannya mengecil berbanding tahun kewangan yang lalu, Lembaga Pengarah tetap komited terhadap polisi dividen dan mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 4 sen sesaham bagi TK2016. Berasaskan tahun penuh, dividen Kumpulan MSM berjumlah 14 sen sesaham. Ini diterjemahkan kepada jumlah pembayaran sebanyak RM98.42 juta dan nisbah pembayaran dividen bersih sebanyak 82%.

“Pada tahun kewangan 2016, kami berhadapan dengan tahun yang mencabar. Walaupun operasi kami dipengaruhi oleh kos yang tinggi dan penurunan Ringgit Malaysia, namun kami tetap utuh bertahan didorong oleh inisiatif pengurangan kos secara berkumpulan oleh pasukan operasi yang berpengalaman. Kami komited untuk meningkatkan nilai pemegang saham dan memastikan hasil perolehan perniagaan dimaksimumkan. Keputusan Lembaga Pengarah adalah tanda keyakinan terhadap keupayaan perniagaan dan keyakinan prospek MSM untuk masa hadapan,” berkata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Kemansuhan permit import (APs) oleh Kerajaan dialu-alukan dan dijangka membantu melindungi pasaran domestik, seterusnya pengeluar gula bertapis tempatan boleh menumpukan perhatian dalam memastikan bekalan gula yang berkualiti tinggi untuk negara sentiasa mencukupi. Berkenaan kenaikan harga runcit gula, penggunaan dijangka kekal

mendatar pada TK2017 dan menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara kos gula bertapis termurah di rantau ini walaupun tidak menghasilkan gula mentah sendiri.

“Keadaan persekitaran kini masih diselembungi kesukaran dengan beberapa buah negara utama yang terlibat dalam segmen pertanian menghadapi ketidaktentuan ekonomi, politik dan cuaca. Peka terhadap cabaran semasa, MSM akan mempercepatkan program peningkatan eksport melalui pejabat dagangannya di Dubai serta melaksanakan strategi untuk menembusi pasaran baharu dengan penambahan kapasiti yang bakal dihasilkan oleh kilang penapisan di Johor yang dijangka beroperasi pada 2018,” berkata Amri Sahari.

Inisiatif MSM untuk terlibat dalam usaha sama strategik akan dilaksana berasaskan peluang oportunistik di negara-negara Asia Tenggara (SEA) dan bertumpu pada pelaburan yang kos efektif, tidak melibatkan aset yang tinggi serta mampu memberi manfaat sinergi bersama.

Beliau menambah, "Melalui pelan pertumbuhan 2017 kami, mengukuhkan volum pertumbuhan dalam pasaran, meningkatkan margin teras operasi dan kestabilan aliran tunai adalah penting. Keadaan pasaran yang mencabar pada tahun 2016 masih berterusan. Berdasarkan fakta ini, kami menjangkakan pertumbuhan akan perlahan pada awalnya dan seterusnya meningkat sepanjang tahun ini. "

Berlandaskan asas yang kukuh ketika permulaan 2017, permintaan pengguna untuk jenama “Gula Prai” akan melonjak lantas mewujudkan kesinambungan MSM untuk terus kekal berdaya saing bagi mencapai tahun yang cemerlang.

-TAMAT-

Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.55 bilion (sehingga Disember 2016). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM menjalankan operasi perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2016, MSM telah menghasilkan 1,117,010 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 135,160 tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 60%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com